

11 MAY 2001

Umno-Veteran

LEBIH 2,000 VETERAN UMNO DIRAI SEMPENA ULANG TAHUN KE-55

KUALA LUMPUR, 11 Mei (Bernama) -- Lebih 2,000 anggota veteran Umno dari seluruh negara hari ini diraikan pada majlis jamuan teh dan makan tengah hari sempena hari ulang tahun Umno Ke-55 di Dewan Mereka Pusat Dagangan Dunia Putra.

Majlis itu diadakan bagi menghargai perjuangan anggota veteran parti dalam menuntut kemerdekaan negara serta komitmen mereka kepada perpaduan bangsa Melayu secara keseluruhannya.

Ketika berucap pada majlis itu Setiausaha Agung Umno Tan Sri Khalil Yaakob berkata kepimpinan Umno sekarang tidak pernah melupai pengorbanan serta jasa yang dicurahkan oleh anggota veteran kepada parti serta negara.

"Golongan veteran telah banyak menyumbang kepada perjuangan Umno dan tanpa usaha gigih mereka Umno tidak akan sampai ke tahap sekarang," katanya.

Katanya dalam pada itu kepimpinan Umno akan terus peka terhadap perkembangan parti bagi menyesuaikan perjuangan Umno dengan perubahan semasa.

Pada majlis itu ditayangkan klip video selama hampir sejam yang memaparkan sejarah penubuhan Umno serta rentetan perjuangan serta cabaran yang dihadapi oleh Umno sejak Presidennya yang pertama Datuk Onn Jaafar sehinggalah ke Presidennya sekarang Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Badawi yang juga Timbalan Presiden Umno dan Pengerusi Tetap Umno Tan Sri Sulaiman Ninam Shah adalah antara pemimpin Umno yang hadir.

Petang ini anggota veteran itu dijadual berdialog dengan Dr Mahathir.

Ketika ditemui wartawan beberapa orang anggota veteran Umno berkata perubahan masa telah mengubah corak perjuangan Umno walaupun ia masih berada pada landasan yang sama.

Haji Hashim Omar, 60, berkata dahulu agenda perjuangan Umno cuma satu iaitu untuk menuntut kemerdekaan daripada penjajah Inggeris, tetapi kini banyak agenda yang diperjuangkan manakala segelintir anggota pula turut mempunyai agenda peribadi.

Ahmad Sirian, 71, dari Langkawi berkata Umno kini telah mengalami banyak perubahan terutama daripada segi kedudukan dan pentadbiran parti.

Beliau berkata kebanyakan generasi muda di kalangan bangsa Melayu kini kurang faham dengan konsep asal perjuangan Umno untuk memartabatkan bangsa dan ini menyebabkan berlakunya perpecahan di kalangan orang Melayu.

Ahmad yang menjadi anggota Umno sejak 1957 berharap Umno akan terus menjadi tulang belakang pemerintahan negara kerana tiada parti lain yang boleh membela nasib Melayu dalam erti kata yang sebenarnya selain Umno.

Rokiah Abdul Hamid, 59, pula berkata anggota Umno dahulu mempunyai semangat perjuangan yang kental dan sanggup bergolok-gadai demi kepentingan parti, bangsa dan agama.

Bagaimanapun, katanya, kini pengaruh wang ringgit begitu kuat sehingga mempengaruhi perjuangan sesetengah anggota.

-- BERNAMA

AKT AFY NMO